



## “JANGAN MENGUNDANG MUSIBAH”.1

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الْقَائِلِ : وَمَا أَصَبَكُمْ مِنْ مُصِيبَةٍ فَبِمَا كَسَبَتْ أَيْدِيكُمْ وَيَعْفُوا عَنْ كَثِيرٍ ۝ <sup>1</sup>	2
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ	3
. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.	4
<b>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</b>  Saya berpesan buat diri saya dan tuan-tuan sekalian. Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala suruhan dan menjauhi segala larangan-Nya. Sesungguhnya seseorang hamba Allah yang benar-benar bertaqwa akan meletakkan sepenuh pergantungan dan harapannya kepada Allah SWT. Dialah sebaik-baik tempat bergantung dan meletakkan harapan.	5
Khutbah hari ini bertajuk “ <b>JANGAN MENGUNDANG MUSIBAH</b> ”.	6
<b>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah,</b>	
Kita sering dihadapkan dengan beberapa dugaan dan cubaan kehidupan. Bermula dengan fenomena cuaca panas yang melampau di beberapa negeri, diikuti dengan hujan ribut dan taufan ditambah dengan persekitaran yang tidak sihat dan penyakit-penyakit ganjil antaranya HIV AIDS dan virus lain lagi yang merebak menyerang manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan.	7
Sebenarnya kesemua ini adalah kejadian yang menuntut kita agar berfikir dan merenung tentang hakikat kekuasaan Allah dalam mengatur kehidupan di dunia ini.	8
<b>Hadirin Sidang Jumaat sekalian,</b>	



<p>Ujian menjalani kehidupan memang sangat mencabar. Kadang-kadang kita diuji dengan kesenangan dan nikmat. Kadang-kadang pula kita diuji dengan kesusahan dan musibah. Namun, di sebalik musibah dan kesusahan itu, Allah menyediakan sesuatu kebaikan yang mungkin belum kita ketahui.</p>	9
<p>Segala musibah yang ditimpakan oleh Allah kepada manusia sudah pasti mengandungi beberapa hikmah. Ada musibah yang ditimpakan kerana dosa dan kesalahan sebagai hukuman Allah ke atas hamba yang ingkar kepada perintah-Nya. Ada pula musibah yang ditimpakan sebagai peringatan. Mudah-mudahan dengan peringatan itu, manusia akan kembali mengingati dan mendekatkan diri kepada Allah, mematuhi perintah-Nya, menegakkan agama-Nya dan meletakkan pergantungan dan harapan hanya kepada Allah serta menginsafi betapa besarnya kekuasaan Allah yang Maha Agung.</p>	10
<p>Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 255:</p> <p>يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ</p> 	11
<p><i>"Yang mengetahui apa yang ada di hadapan mereka dan apa yang ada di belakang mereka, sedang mereka tidak mengetahui sesuatu pun dari (kandungan) ilmu Allah melainkan apa yang Allah kehendaki (memberitahu kepadanya). Luasnya ilmu Allah dan kekuasaan-Nya meliputi langit dan bumi; dan tiadalah menjadi keberatan kepada Allah menjaga serta memelihara keduanya. dan Dia lah yang Maha Tinggi (darjat kemuliaan-Nya), lagi Maha Besar (kekuasaan-Nya)."</i></p>	12
<p>Ayat ini mengingatkan kepada kita betapa terbatasnya ilmu dan pengetahuan kita. Betapa lemahnya manusia walaupun disertai dengan pelbagai teknologi moden, canggih dan terkini.</p> <p>Ingatlah, walau sehebat manapun teknologi dan peralatan serta kepakaran manusia, ia tidak akan melepasi batasan ilmu yang diberikan Allah kepada mereka. Bahkan Allah mengingatkan bahawa ada di kalangan umat terdahulu yang lebih hebat seperti Kaum Ad, Thamud, Firaun dan lain-lain namun Allah berkuasa menghancurkan mereka disebabkan keinginan dan kefasadan yang mereka lakukan di muka bumi Allah ini.</p>	13



<p>Firman Allah SWT dalam surah al-Rum, ayat 9:</p> <p>أَوَلَمْ يَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَيَنْظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ كَانُوا أَشَدَّ مِنْهُمْ قُوَّةً وَأَثَارُوا الْأَرْضَ وَعَمَرُوهَا أَكْثَرَ مِمَّا عَمَرُوهَا ...</p>	14
<p><i>"Tidakkah mereka telah berjalan dan mengembara di muka bumi, serta memerhatikan bagaimana kesudahan orang-orang yang terdahulu dari mereka? orang-orang itu lebih kuat daripada mereka sendiri, dan orang-orang itu telah meneroka bumi serta memakmurkannya lebih daripada kemakmuran yang dilakukan oleh mereka..."</i></p>	15
<p><b>Muslimin sekalian,</b></p> <p>Dalam usaha dan harapan untuk merungkaikan kekusutan dan segala musibah yang menimpa kita, kita hendaklah mencegah perbuatan mungkar dan laknat yang diharamkan oleh Allah SWT sama ada dilakukan secara terang-terangan ataupun sembunyi-sembunyi contohnya perbuatan menghina agama khususnya menghina nabi, pesta arak, perzinaan, perjudian, pergaulan bebas dan lebih jijik lagi timbulnya golongan yang memperjuangkan perbuatan songsang iaitu LGBT.</p>	16
<p>Perbuatan terkutuk ini telah diperingatkan oleh Allah SWT dalam surah al-Syu'araa' ayat 165-166:</p> <p>أَتَأْتُونَ الذُّكْرَانَ مِنَ الْعُلَمِينَ ﴿١٦٥﴾ وَتَذَرُونَ مَا خَلَقَ لَكُمْ رَبُّكُمْ مِنْ أَزْوَاجِكُمْ بَلْ أَنْتُمْ قَوْمٌ عَادُونَ ﴿١٦٦﴾</p>	17
<p><i>"Patutkah kamu melakukan hubungan jenis dengan lelaki dari kalangan manusia, dan kamu tinggalkan apa yang diciptakan oleh Tuhan kamu untuk kamu (melakukan hubungan yang halal) dari badan isteri-isteri kamu? (kamu orang-orang yang bersalah) bahkan kamu adalah kaum yang melampaui batas (keinginan kebanyakan haiwan)!."</i></p>	18



<p>Manakala dalam hadis pula yang menunjukkan kemungkaran LGBT ialah, Abu Hurairah Radhiallahu Anhu meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:</p> <p><i>“Ada empat golongan manusia, mereka berpagi dalam kemurkaan Allah, dan mereka berpetang juga dalam kebencian Allah Taala. Para sahabat bertanya: Siapakah mereka itu wahai Rasulullah? Baginda menjawab, mereka itu ialah orang lelaki yang menyerupai perempuan, orang perempuan yang menyerupai lelaki, orang yang menyetubuhi binatang atau minta disetubuhi binatang dan lelaki yang menyetubuhi lelaki.”</i></p> <p>(Riwayat al-Tabrani dan Baihaqi).</p>	19
<p><b>Hadirin yang dikasihi Allah sekalian,</b></p> <p>Marilah kita memperbanyakkan istighfar dan taubat memohon keampunan kepada Allah atas kesalahan dan dosa yang telah kita lakukan. Marilah sama-sama kita memanjatkan doa dan pengharapan serta meletakkan pergantungan sepenuhnya kepada Allah, marilah kita bertekad dan berazam untuk menjadi hamba yang sentiasa ingat dan tunduk kepada perintah Allah serta sentiasa mengikut ketetapan fitrah Allah SWT. Berbahagialah dan beruntunglah orang-orang yang disukai oleh Allah SWT kerana taubat yang dilakukannya.</p>	20
<p>Sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p>لَلَّهِ أَشَدُّ فَرَحًا بِتَوْبَةِ عَبْدِهِ مِنْ أَحَدِكُمْ إِذَا اسْتَيْقَظَ عَلَى بَعِيرِهِ، قَدْ أَضَلَّهُ بِأَرْضِ فَلَاةٍ</p>	21
<p><i>“Sungguh Allah SWT sangat gembira kerana taubat hamba-Nya, melebihi kegembiraan salah seorang daripada kalian ketika bangun dari tidurnya, lalu terjumpa semula haiwan tunggangannya yang telah hilang di padang pasir yang luas.”</i></p> <p>(Riwayat Muslim).</p>	22



<p><b>Para tetamu Allah sekalian,</b></p> <p>Mengakhiri khutbah hari ini, marilah kita sama-sama menghayati taushiah berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa setiap tindakan dan perbuatan akan dibalas dengan adil oleh Allah SWT di akhirat.</li><li>2. Umat Islam diingatkan agar jangan mencabar kekuasaan Allah yang boleh mengundang musibah.</li><li>3. Umat Islam hendaklah menginsafi bahawa setiap musibah itu adalah datang dan telah ditetapkan oleh Allah SWT.</li></ol>	23
<p style="text-align: center;">أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ</p> <p style="text-align: center;">قُلْ لَنْ يُصِيبَنَا إِلَّا مَا كَتَبَ اللَّهُ لَنَا هُوَ مَوْلَانَا وَعَلَى اللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ</p>	24
<p><i>"Katakanlah (Wahai Muhammad): "Tidak sekali-kali akan menimpa kami sesuatu pun melainkan apa yang telah ditetapkan Allah bagi kami. Dia lah pelindung yang menyelamatkan kami, dan (dengan kepercayaan itu) maka kepada Allah jualah hendaknya orang-orang yang beriman bertawakal".</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(al-Taubah : 51).</i></p>	25
<p style="text-align: center;">بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	26
<p style="text-align: center;">أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	27



## KHUTBAH KEDUA

1	أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
2	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ ۖ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
3	<b>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,</b>  Khatib sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan bersungguh-sungguh melakukan amal soleh serta berakhlak dengan akhlak Rasulullah SAW. Seterusnya marilah kita sentiasa memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW. Firman Allah SWT:
4	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.
5	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.
6	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ اعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمَّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.
7	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاطُونَ،
8	سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصَّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاطُونَ، تغكو أمير شاه ابنالسُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج



<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظِفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.</p>	9
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p>	10
<p>Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran-ajaran yang difatwakan sesat seperti Syiah. Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat dan lindungilah kami daripada bala bencana.</p>	11
<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.</p>	12
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.</p>	13
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾</p>	14
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ يُعْطِكُمْ وَلْيَذْكُرُوا اللَّهَ أَكْبَرُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	15